

Headline	KPKK perluas perkongsian kepakaran dengan negara sedang membangun		
MediaTitle	Sinar Harian		
Date	17 Sep 2022	Color	Full Color
Section	Nasional	Circulation	140,000
Page No	6	Readership	420,000
Language	Malay	ArticleSize	206 cm <sup>2</sup>
Journalist	N/A	AdValue	RM 4,367
Frequency	Daily	PR Value	RM 13,101



## KPKK perluas perkongsian kepakaran dengan negara sedang membangun

**JASIN** - Kementerian Perusahaan, Perladangan dan Komoditi (KPPK) akan memperluas pertukaran dan perkongsian teknologi dengan negara-negara sedang membangun dalam usaha memanfaatkan kepakaran dimiliki negara berkaitan industri kayu-kayan.

Menterinya, Datuk Zuraida Kamaruddin berkata, usaha itu termasuk dalam bidang penyelidikan dan pembangunan (R&D), makmal, pengurusan dan penggunaan sumber hutan secara mampan, selain teknologi meliputi penggunaan peralatan atau mesin terkini.

“Kita mempunyai agensi seperti Majlis Kayu-Kayan Malaysia (MTC) dan Institut Penyelidikan Perhutanan Malaysia (FRIM), yang sememangnya mempunyai kepakaran merangkumi pelbagai perkara dalam bidang ini dan mempunyai pengalaman lebih 50 tahun.

“Kita telah pun memulakan langkah ini dengan beberapa

negara seperti India, Bangladesh, Pakistan dan India, yang memberikan kerjasama menggalakkan dan ini juga dilihat mampu menjadi unsur kepada pendapatan negara,” katanya.

Beliau berkata demikian ketika ditemui pemberita pada Program Penanaman Pokok sempena Bulan Kebangsaan dan Hari Malaysia 2022 di Stesen Penyelidikan FRIM Selandar di sini pada Jumaat.

Pada program itu, sebanyak 30 spesies pokok ditanam seperti kenanga, merawan siput jantan, janda merana, kasai, kayu manis, cermai bidara, petai, belimbing buluh, belimbing madu, bakau dan *eucalyptus pellita*.

Zuraida berkata, industri perkapuan negara terus mencatatkan perkembangan positif, dengan peningkatan permintaan eksport ke luar negara biarpun berdepan pelbagai cabaran seperti rantai bekalan, kestabilan ekonomi dan sebagainya. - *Bernama*



Zuraida meletakkan tanda nama pada anak pokok merbau semasa Program Penanaman Pokok sempena Bulan Kebangsaan dan Hari Malaysia 2022 di Stesen Penyelidikan FRIM Selandar, Jasin pada Jumaat.